

Headline	SURAT DARI RAFIZI		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	1,2	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	838 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,294
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,883



**SURAT DARI RAFIZI**

Naib Presiden PKR sempat tulis surat dari kandang tertuduh semasa penghakiman dibacakan

“Keputusan pada hari ini (semalam) telah saya jangka. Hukuman penjara tiga tahun bagi kedua-dua kes juga telah saya jangka.”

2

# Surat dari kandang tertuduh

SAYA berterima kasih kepada pasukan peguam saya yang diketuai Saudara Gobind, Saudara Saiful Izham, Saudara Ahmad Nizam dan dibantu oleh kumpulan peguam-peguam muda Saudara Haijan, Saudara Adi, Saudara Nik Zarith, Saudari Joanne, Saudara Falihin dan Saudara Ashraf. Bersama-sama satu lagi pasukan peguam iaitu Saudara Ranjit Singh, Saudara Razlan Hadri, Saudari Siau San dan Saudari Michele, serta satu lagi pasukan peguam iaitu Saudara William Leong dan Saudara Halim, ketiga-tiga pasukan peguam ini menangani kesemua 12 kes yang saya hadapi dalam saya menjalankan tugas saya sebagai seorang wakil rakyat.

Mereka tidak pernah mengenakan satu sen pun yuran guaman sejak tahun 2012 mereka menangani kes-kes saya. Saya tidak boleh menjadi lantang jika tidak kerana peguam-peguam ini yang sewajarnya diberikan pengiktirafan

Headline	SURAT DARI RAFIZI		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	1,2	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	838 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,294
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,883

oleh masyarakat.

Keputusan pada hari ini (semalam) telah dijangka. Hukuman penjara tiga tahun bagi kedua-dua kes juga telah saya jangka.

Saya yakin atas penghujahan undang-undang yang kukuh oleh pasukan guaman, rayuan saya ke Mahkamah Tinggi ada peluang baik untuk menang. Saya telah meminta supaya Saudara Gobind, Saudara Saiful Izham dan Saudara Ahmad Nizam bersama-sama peguam muda untuk memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi secepat mungkin.

Pun begitu, saya bukan orang baru dalam sepak terajang politik negara. Saya tahu saya perlu realistik bahawa besar kemungkinan saya akan dipenjarakan dan ia boleh berlaku dalam masa beberapa bulan sahaja dari sekarang.

Saya telah susun seadanya segala perancangan agar isteri, anak dan ibu bapa kami dapat menjalankan kehidupan sebaik mungkin walaupun saya tiada buat sementara waktu. Saya menghargai rasa prihatin yang dicurahkan, namun saya juga memohon supaya ruang peribadi kami bertiga (saya, isteri dan anak) dihormati dalam beberapa bulan akan datang supaya kami boleh menjalani kehidupan seperti sebuah keluarga biasa.

Setiap kali saya berdoa kepada ALLAH SWT, saya tidak pernah memohon agar dibebaskan atau tidak dipenjarakan. Saya memohon supaya ALLAH SWT melapangkan dada saya supaya reda dengan apa-apa keputusan dan yang akan datang kerana semuanya telah ditetapkan oleh-Nya.

Saya tenang tanpa rasa marah, takut atau pun sedih kerana saya yakin saya telah menjalankan

amanah saya sebagai seorang rakyat biasa, seorang pemimpin parti pembangkang dan seorang wakil rakyat. Setiap kali saya berdepan dengan keputusan, saya tidak pernah menghadapi dilema untuk membuat keputusan kerana hukumnya kebajikan dan kesusahan rakyat mengatasi kepentingan peribadi kita sebagai ahli politik.

Oleh itu, keputusan saya sebagai seorang wakil rakyat atau ahli politik kadang-kadang mengundang rasa marah atau rasa terancam di kalangan pemimpin lain baik di dalam Barisan Nasional atau parti saya sendiri. Ingatan kepada diri saya setiap pagi saya ke pejabat ialah setiap tindakan dan amal kita disukat setiap saat bukannya oleh ahli-ahli politik yang nampak berkuasa, tetapi oleh malaikat yang tidak akan lalai walau sezarah pun. Maka janganlah terlalu takut atau bimbang dengan pandangan sang berkuasa, atau terlalu berkira-kira dalam keputusan kita sebagai seorang pemimpin, kerana berkira-kira kerana takut atau bimbangkan pertimbangan politik dalam keadaan kita berdepan dengan isu yang jelas yang benar dan jelas yang salahnya; itu pun akan turut dicatat untuk dihisab.

Oleh sebab itu, keputusan pemerjaraan yang memang telah dijangka pada hari ini sedikit pun tidak akan mengubah apa-apa. Saya akan terus lantang seperti sebelum ini di dalam dan di luar parti. Saya akan teruskan dengan pembongkaran dan menyemak setiap satu sen yang dibelanjakan oleh pentadbiran Datuk Seri Najib Tun Razak selagi dalam kemampuan saya. Esok (hari ini), saya dan Ahli Parlimen Pakatan Harapan iaitu YB Tony Pua, YB Wong Chen, YB Dr

Hatta dan YB Ong Kian Ming akan terus mendedahkan kepincangan projek keretapi pantai timur (ECRL) yang kini dilaksanakan Datuk Seri Najib.

Saya juga akan menjawab isu-isu berkenaan Tabung Haji dan membentangkan beberapa analisa baru kedudukan kewangannya. Selain Tabung Haji, fokus saya masih lagi kepada isu pendidikan tinggi dan kelangsungan PTPTN, kedudukan tabung pencen negara, perbezaan imbuhan gaji yang terlalu ketara di antara kakitangan kerajaan berpangkat rendah dan tinggi, mendesak dihapuskan GST dan sebagainya.

Mulai esok, saya akan mula turun berceramah bersama-sama pimpinan dan aktivis yang mahukan Datuk Seri Najib meletak jawatan. Ceramah pertama yang bertemakan #LawanTetapLawan akan bermula di Pandan iaitu di Dewan Kampung Cheras Baru.

Hari Rabu, saya akan ke Pengkalan Tentera Laut (TLDM) Lumut untuk berjumpa dengan pesara-pesara tentera laut yang mula-mula sekali membawa ke pengetahuan saya kelewatan pembayaran pampasan persaraan. Malam itu, saya akan berceramah di Lumut bersama-sama pimpinan Pakatan Harapan yang lain.

Mulai minggu ini, saya akan jelajah ke setiap negeri dengan menumpukan di kerusi-kerusi marginal (BN menang tipis) supaya saya telah berkempen di kesemua negeri dan kerusi marginal menjelang akhir Januari. Di setiap negeri, di sebelah siangnya saya akan tumpukan untuk merekrut sukarelawan dan melatih mereka, di sebelah malamnya saya akan gempur kerusi-kerusi marginal

dengan isu-isu pembongkaran terbaru melalui ceramah-ceramah #LawanTetapLawan

Saya telah lama bersedia dengan keadaan ini dan telah persiapkan semua yang diperlukan untuk melawan pentadbiran Dato' Seri Najib.

Bagi mereka yang merasakan saya bodoh kerana membela golongan pencen askar, pertimbangan saya bukanlah sokongan politik atau kedudukan. Orang yang paling tiada suaralah yang perlu kita bela.

Bagi mereka yang marah atau simpati, jangan hanya marah di Facebook atau Twitter. Zahirkan rasa mual anda terhadap Datuk Seri Najib itu dengan menjadi sukarelawan Invoke yang saya latih sendiri dan sertai ribuan sukarelawan yang akan memastikab Datuk Seri Najib hilang semua kerusi marginal yang dipegang Umno/BN sekarang.

Datuk Seri Najib mungkin rasa kebal apabila berdepan dengan beberapa ahli parlimen seperti saya, tetapi beliau pasti kalah jika berdepan dengan puluhan ribu sukarelawan terlatih dari kalangan rakyat biasa.

Akhir sekali, saya sedar saya mungkin hanya ada beberapa bulan sahaja lagi sebelum direhatkan. Saya berharap Datuk Seri Najib juga sedar beliau pun mungkin hanya ada beberapa bulan sahaja lagi sebagai Perdana Menteri sekiranya kemarahan rakyat itu terus merebak.

#LawanTetapLawan..... kita jumpa di Pandan dan kawasan-kawasan lain selepas ini.

**Rafizi Ramli**  
Ditulis dari kandang tertuduh semasa penghakiman dibacakan *Isnin, 14 November 2016*

Headline	SURAT DARI RAFIZI		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	1,2	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	838 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,294
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,883



Rafizi (kiri) dijatuhi hukuman penjara 18 bulan oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam. - Foto: BERNAMA